

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI  
MUSA**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan statistik peratusan semasa terkini kawasan tanah dilitupi hutan di Malaysia mengikut negeri dan tanggungjawab kawal selia. Sejauh mana penyelarasan kawasan ini disemak semula dan sekata diwujudkan untuk memastikan kawasan hutan terlindung dan tidak dijual di pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan hutan pada tahun 2018 adalah seluas 18,273,487 hektar iaitu bersamaan dengan 55.3 peratus daripada keluasan tanah negara. Daripada jumlah tersebut, seluas 10,920,384.67 hektar diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK), 3,308,489.20 hektar pula merupakan Kawasan Perlindungan (*Protected Area – PA*) dan baki kawasan berhutan merupakan kawasan Hutan Tanah Kerajaan (HTK)/Tanah Bermilik (TM). Perincian keluasan kawasan berhutan mengikut negeri-negeri di Malaysia yang meliputi HSK dan PA sehingga tahun 2018 adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Keluasan Tanah	Kawasan Berhutan		Kawasan Hutan Simpanan Kekal/ Hutan Simpan		Kawasan Perlindungan	
		Luas (hektar)	Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%
1.	Johor	1,910,200	447,753	23.44	332,749	17.42	325	0.02
2.	Kedah	944,700	342,431	36.25	341,976	36.20	-	-
3.	Kelantan	1,510,100	810,415	53.67	613,275	40.61	103,082	6.83
4.	Melaka	165,200	5,448	3.30	5,199	3.15	25	0.01
5.	Negeri Sembilan	668,600	157,964	23.63	155,549	23.26	-	-
6.	Pahang	3,584,000	2,056,695	57.39	1,559,385	43.50	399,740	11.15
7.	Perak	2,103,800	1,013,479	48.17	988,914	47.00	3,161	0.15
8.	Perlis	81,800	11,538	14.10	10,615	12.98	68	0.08
9.	Pulau Pinang	103,200	7,752	7.51	5,101	4.94	1,182	1.15
10.	Selangor	793,100	251,489	31.70	250,210	31.55	-	-
11.	Terengganu	1,295,900	651,248	50.25	540,309	41.69	77,939	6.01
12.	WP Kuala Lumpur	24,300	2,049	8.43	68	0.28	-	-
13.	WP Putrajaya	4,900	-	-	-	-	-	-
14.	WP Labuan	9,200	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah Semenanjung</b>		<b>13,199,000</b>	<b>5,758,261</b>	<b>43.62</b>	<b>4,803,350</b>	<b>36.39</b>	<b>585,522</b>	<b>4.43</b>
15.	Sabah	7,390,400	4,767,448.65	64.51	1,907,981.67	25.82	1,906,896.20	25.8
16.	Sarawak	12,445,100	7,747,777.00	62.25	4,209,053.00	33.82	816,071.00	6.55
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>33,034,500</b>	<b>18,273,486.65</b>	<b>55.31</b>	<b>10,920,384.67</b>	<b>33.06</b>	<b>3,308,489.20</b>	<b>10.01</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak

## SOALAN NO : 32

2. Dari segi pentadbiran, tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak mempunyai dasar dan perundangan sendiri dalam menguruskan hutan. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri (JPN) bertanggungjawab ke atas pengurusan hutan negeri-negeri di Semenanjung berpandukan kepada Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]. Jabatan Perhutanan Sabah bertanggungjawab bagi pengurusan hutan di Sabah berpandukan kepada Enakmen Hutan 1968 (Sabah No. 2 of 1968) dan Jabatan Hutan Sarawak pula bertanggungjawab dalam pengurusan hutan dan pentadbiran sumber hutan di Sarawak berdasarkan Ordinan Hutan 2015 (Bab 71).

3. Hutan yang telah diwartakan sebagai HSK termasuk yang diklasifikasikan sebagai PA di ketiga-tiga wilayah adalah tidak dibenarkan untuk dijual kepada mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.